

# Unisza pindah pelajar mangsa banjir

Pihak pengurusan universiti umum cuti selama dua hari bermula semalam

■ NURUL HUDA HUSAIN

**KUALA NERUS** - Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) memindahkan 77 pelajar yang menyewa di luar kampus ke asrama universiti berikutan rumah yang didiami dilanda banjir teruk.

Pengurusan universiti turut mengumumkan cuti untuk semua aktiviti pendidikan dan kuliah selama dua hari iaitu semalam dan hari ini kepada pelajar bagi membolehkan mereka membuat persiapan termasuk pelajar yang terpaksa berpindah.

Naib canselornya, Profesor Datuk Dr Yahaya Ibrahim berkata, keputusan membatalkan

**“Dua bot juga kini diletakkan dalam keadaan bersiap sedia termasuk anggota yang terlibat bagi membolehkan kerja penyelamat dapat dihulurkan seberapa segera yang mungkin kepada mangsa.”** - Yahaya

kesemua proses pembelajaran itu bagaimanapun tidak melibatkan pengurusan dan kakitangan yang lain.

“Unisza sememangnya terlibat dengan banjir setiap tahun, namun banjir yang melanda tahun ini agak teruk berbanding tahun sebelumnya, di mana dua blok asrama turut dinaiki air.

“Namun, persediaan awal telah kita lakukan termasuk

memindahkan barangan berharga ke lokasi lebih selamat bagi mengelak sebarang kemusnahan yang lebih teruk,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Bilik Gerakan Banjir di Pejabat Keselamatan Unisza Kampus Gong Badak, di sini.

Yahaya berkata, bilik gerakan banjir juga dibuka sejak 15 November lalu bagi memastikan bantuan dan pertolongan segera diberikan kepada pelajar dan juga kakitangan yang terjejas akibat banjir.

Menurutnya, bilik gerakan itu akan dibuka sehingga habis musim banjir dan pihaknya kini berada dalam keadaan bersiap sedia untuk menghadapi banjir yang diramal melalui beberapa gelombang di negeri Pantai Timur.

“Malah, dua bot juga kini diletakkan dalam keadaan bersiap sedia termasuk anggota yang terlibat bagi membolehkan kerja penyelamat dapat



Yahaya (kiri) mengalihkan basikal pelajar yang terbalik di asrama kampus Unisza.

dihulurkan seberapa segera yang mungkin kepada mangsa,” katanya.

Bagaimanapun katanya, semua pihak termasuk ibu bapa dinasihatkan tidak terlalu panik dengan keadaan banjir yang melanda kampus berkenaan kerana paras air tidak membimbangkan dan masih lagi terkawal.

Mengulas mengenai banjir di kampus Unisza, Yahaya berkata, keadaan itu disebabkan kedudukan universiti berada di tengah kawasan yang sedang membangun serta

berhampiran takungan air.

Justeru katanya, pihaknya selepas ini akan memberikan tumpuan yang selari antara pembangunan universiti dan sistem saliran supaya masalah banjir teruk tidak berulang pada masa akan datang.

Dalam pada itu, segala persiapan untuk Majlis Konvokesyen Unisza yang dijadualkan 6 hingga 8 Disember ini di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negeri, Gong Badak, berjalan seperti biasa.

“Sekiranya banjir

berterusan sehingga ke tarikh berkenaan (konvokesyen), majlis akan tetap dilangsungkan memandangkan kawasan majlis bebas daripada banjir, namun mungkin kehadiran ibu bapa akan terjejas kerana banjir.

“Namun, kita akan memastikan kesemua proses dan majlis berjalan lancar tanpa sebarang masalah bagi membolehkan pelajar yang bakal menamatkan pengajian dapat menghadiri majlis konvokesyen masing-masing,” katanya.



Yahaya (tengah) meninjau sekitar kampus yang dinaiki air.